

26/10/2001

ISA pastikan keamanan

Ahmad

KUALA LUMPUR, Khamis - Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) adalah satu kaedah yang digunakan oleh kerajaan bagi memastikan negara terus aman, sekali gus memberikan keyakinan kepada pelabur melabur di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Hashim Ismail, berkata pelabur asing amat sensitif terhadap keamanan dan keselamatan sesebuah negara sebelum melabur.

Katanya, perkara itu terbukti apabila Presiden Dewan Perniagaan Amerika Syarikat yang mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mengakui negara ini tetap menjadi destinasi pelaburan paling menarik untuk Amerika kerana Malaysia adalah sebuah negara yang paling stabil di dunia.

"Pelabur amat sensitif terhadap soal keamanan dan keselamatan. Sebagai contoh di Indonesia yang selama ini diwarnai kekacauan dan persengketaan, pelabur bukan saja tidak masuk ke negara itu malah yang ada di situ meninggalkan negara itu.

"Ini terbukti apabila pada 1996, jumlah kemasukan pelaburan langsung asing (FDI) bersih ke Indonesia berjumlah AS\$6.19 bilion dan pada tahun lalu jumlahnya merosot kepada AS\$4.55 bilion.

"Kerana itu kerajaan bertungkus lumus memastikan negara kita sentiasa aman, termasuk mengambil tindakan terhadap sebarang usaha untuk menggugat keamanan seperti Kumpulan Militer Malaysia (KMM) dan Al Ma'unah menggunakan ISA," katanya menjawab soalan tambahan Raja Datuk Ahmad Zainuddin Raja Omar (BN-Larut) di Dewan Rakyat, hari ini.

Menjawab soalan Ahmad Zainuddin yang mahu tahu sejauh mana kesan ancaman militan dan penggugat keamanan boleh mempengaruhi kemasukan pelaburan asing ke negara ini, Hashim berkata sememangnya diakui kestabilan politik dan keamanan negara faktor penting bagi menyediakan iklim pelaburan yang kondusif untuk menarik pelabur asing.

Malah, katanya, faktor itulah yang menjadi satu kelebihan kepada Malaysia dalam kejayaannya menarik kemasukan pelabur asing berbanding sesetengah negara lain yang sering dilanda kekacauan, huru-hara, persengketaan dan peperangan.

"Bagi Malaysia sehingga hari ini, kita berjaya menarik pelabur asing untuk menanam modal di negara ini. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun ini, terdapat 495 permohonan pelaburan dengan jumlah modal pelaburan bernilai RM11.34 bilion.

"Daripada jumlah itu, 67 peratus atau RM7,601 juta ialah dari pelabur asing dan bakinya 33 peratus atau RM3,737 juta ialah dari pelabur tempatan.

"Jumlah pelaburan modal dari negara seperti Amerika, Korea, Jepun dan Singapura menguasai lebih dua pertiga daripada jumlah permohonan pelaburan asing," katanya.

Bagaimanapun, Hashim berkata serangan di New York dan Washington 11 September lalu mengubah senario ekonomi dunia dan jika berterusan serta bertambah serius, mungkin akan menyebabkan kemelesetan ekonomi dunia.

(END)